

## PPM, polis Thailand berkongsi maklumat

10/10/24 PG 7

**Kota Bharu:** Pasukan Polis Marin (PPM) sentiasa berkongsi maklumat dengan polis Thailand dalam menangani isu pencerobohan nelayan asing.

Komander PPM Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Norzaid Muhammad Said berkata, operasi bersama dijalankan bagi memastikan sempadan kedua-dua negara tidak diceroboh.

"Kita sedia maklum banyak aktiviti pencerobohan berlaku di sempadan negara kita dan Thailand maka operasi bersama sentiasa dibuat.

"Bagi isu penyelewengan diesel di tengah laut, tidak dinafikan ada berlaku tapi ia hanya kes terpencil.

"Di pihak kami memang berkongsi maklumat terutama dengan Kementerian

Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) agar isu ini dapat diatasi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri mesyuarat kerjasama strategik antara PPM dan KPDN, di sini, semalam.

Turut hadir, Timbalan Ketua Pengarah Penguat Kuasa (Pencegahan) KPDN Aris Mamat.

Katanya, penyelewengan bahan bakar tidak banyak berlaku di laut di negeri ini, sebaliknya membabitkan Sungai Golok dan dilakukan oleh sindiket menggunakan bot.

Sementara itu, Norzaid berkata, mesyuarat berkenaan diadakan untuk mewujudkan keseragaman dalam melaksanakan tindakan khususnya menguatkasakan Akta Kawalan Bekalan.